

17/01/2002

Meningkatkan sosioekonomi penjaja, peniaga kecil

DI BARAT, `tavern' dan `patisserie' menjadi tumpuan masyarakatnya sambil merehatkan fikiran dengan memerhatikan gelagat orang ramai yang lalu-lalang. Sekalipun pada skala lebih kecil, menjamu selera di gerai sudah menjadi sebahagian daripada budaya hidup rakyat Malaysia tanpa mengira batas waktu. Daripada orang kenamaan hinggalah kepada rakyat biasa, gerai menjadi pilihan untuk pelbagai makanan kegemaran atau sekadar teh tarik bagi melepaskan dahaga. Di sebalik pembukaan medan selera yang lebih tersusun di pusat beli-belah atau kompleks pejabat berhawa dingin, gerai tidak pernah sunyi dikunjungi pelanggan kerana keunikannya yang tersendiri.

Atas pertimbangan bahawa peniaga kecil cukup penting dalam pembangunan masyarakat, kerajaan sentiasa memberi perhatian khusus untuk meningkatkan kebajikan mereka dengan menyediakan peruntukan dan pelbagai kemudahan lain. Belanjawan Negara 2002 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, Oktober tahun lalu, tidak terkecuali membabitkan peruntukan besar kepada peniaga kecil. Namun, kecuali segelintir yang mengambil daya usaha mencantikkan gerai dan mengutamakan kebersihan, selebihnya pula kekal dengan imej peniaga kecil di tepi jalan dengan hanya menjadikan jajaan masing-masing sebagai satu-satunya tarikan pelanggan.

Sebagaimana ditegaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, kerajaan tidak boleh menghapuskan kegiatan penjaja dan peniaga kecil kerana jumlah pelanggan mereka yang ramai. Sebaliknya, kerajaan akan membina gerai tetap di semua bandar seluruh negara agar ia lebih sesuai dengan kemajuan negara. Pada masa sama, gerai sedia ada akan dinaiktaraf bagi memastikan persekitarannya lebih bersih dan teratur. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak harus berlengah mengenal pasti tapak sesuai dalam kawasan pentadbiran masing-masing agar perancangannya boleh dibuat dari sekarang, termasuk infrastruktur, seperti tempat letak kereta, surau dan tandas awam sebagaimana hentian R&R di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan.

Dalam pada cadangan pembinaan gerai tetap di seluruh negara itu mencerminkan keprihatinan kerajaan membantu golongan bawahan, ia juga menuntut perubahan sikap penjaja kecil sendiri untuk terus memajukan diri masing-masing. Di sebalik pencapaian orang Melayu dalam perniagaan masih rendah dan hanya berniaga di gerai tanpa mampu memiliki ruang niaga di kompleks beli-belah, ia bukan halangan untuk mereka melakukan yang terbaik. Sebagaimana sering ditegur Perdana Menteri, satu kelemahan peniaga Melayu ialah mereka tidak sabar untuk menjadi kaya hingga tergamak menjual apa saja peluang dan peruntukan khas yang diberi bagi mendapat keuntungan serta merta.

Budaya buruk ini, termasuk memajakkan gerai kepada pendatang asing, dan dalam sesetengah keadaan peniaga asing menjadi `tauke' manakala rakyat tempatan pula makan gaji dengan mereka, hendaklah dikikis. Selagi peniaga, termasuk penjaja dan peniaga kecil Melayu, tidak mahu mengaku kelemahan sebenar adalah pada diri mereka sendiri dan tidak sanggup pula membetulkan kesalahan, selagi itulah mereka akan gagal walaupun pelbagai keistimewaan dan kemudahan disediakan kerajaan. Sewajarnya ingatan dibuat dari sekarang agar mereka yang mendapat peluang berniaga di pusat penjaja yang bakal diwujudkan nanti menjaga dan menguruskannya dengan baik demi manfaat mereka sendiri.

(END)

